

7 MAR 1996

SEMUA ORANG HANYUT VIETNAM DIHANTAR PULANG MENJELANG 30 JUN

HANOI, 7 Mac (Bernama) -- Malaysia yakin bahawa semua orang hanyut Vietnam yang masih berada di Malaysia akan dihantar pulang menjelang 30 Jun tahun ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Banyak daripada mereka sudah mendaftarkan dengan pihak-pihak berkuasa untuk pulang ke tanah air mereka menerusi Program Pemulangan Sukarela, kata beliau.

Dr Mahathir yakin bahawa yang lainnya akan mengikuti jejak langkah mereka apabila melihat rakan-rakan mereka pulang.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Perdana Menteri Vietnam Vo Van Kiet di Rumah Tetamu Kerajaan di sini, beliau berkata Hanoi telah bersetuju untuk menerima balik semua rakyatnya di Malaysia dan mereka akan dihantar pulang secara peringkat-peringkat dengan kapal.

Terdapat kira-kira 4,000 orang hanyut Vietnam yang masih tinggal di Kem transit Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Sejumlah 252,461 orang hanyut Vietnam tiba di Malaysia dalam tempoh antara 1975 dengan 1993. -- BERNAMA

ZS LDB NMO